



LAPORAN TAHUNAN **2024**

Majlis Daerah Kerian



Isi Kandungan

Perutusan Yang Dipertua

1

BAHAGIAN

1 PROFIL KORPORAT

- 1.1 Latar Belakang 5
- 1.2 Visi, Misi dan Dasar Kualiti 6
- 1.3 Fungsi Utama 7

BAHAGIAN

2 PASUKAN KAMI

- 2.1 Ahli-Ahli Majlis 9
- 2.2 Carta Organisasi 12

BAHAGIAN

3 PRESTASI MDK

- 3.1 Pencapaian MDK Sepanjang Tahun 2024 14

BAHAGIAN

4 KEWANGAN MDK

- 4.1 Hasil 17
- 4.2 Percukaian Harta 19
- 4.3 Perbelanjaan 27
- 4.4 Pengurusan dan Perolehan Kontrak 29

5 TADBIR URUS

5.1	Perancangan Strategik	33
5.2	Pembudayaan Kualiti, Inovasi dan Kreatif	34
5.3	Semak dan Imbang	36
5.4	Pengurusan Pelanggan	40
5.5	Sumber Manusia	43
5.6	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	48
5.7	Pemantapan Integriti	49
5.8	Pengurusan ICT	55

6 PERANCANGAN & PEMBANGUNAN FIZIKAL

6.1	Kawalan Pembangunan	58
6.2	Pembangunan Mampan dan Bandar Pintar	60
6.3	Kawalan Pemajuan	62
6.4	Pengurusan Infrastruktur	65
6.5	Kawalan Bangunan	74

7 PEMBANGUNAN EKONOMI

7.1	Kawalan Perniagaan	81
7.2	Pengurusan Sewaan	84

8 PERSEKITARAN

8.1	Perkhidmatan Perbandaran	87
8.2	Kesihatan Persekitaran	90
8.3	Kawalan Vektor	93
8.4	Pengindahan Landskap	94

9 PERUNDANGAN & PENGUATKUASAAN

9.1	Perundangan	103
9.2	Penguatkuasaan	105

10 SOSIAL

10.1	Pembangunan Masyarakat	113
10.2	Program Kemasyarakatan	117
10.3	Pelancongan	119

11 LENSA MAJLIS DAERAH KERIAN

11.1	Majlis Rasmi	122
11.2	Kelab Sukan dan Kebajikan	126

Perutusan Yang Dipertua



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Majlis Daerah Kerian (MDK) telah berjaya menamatkan tahun 2024 dengan prestasi yang membanggakan. Tahun ini menyaksikan MDK bukan sahaja mengekalkan momentum kecemerlangan, malah memperkukuh asas tadbir urus, memperhebat transformasi perkhidmatan dan memperluas impak pembangunan demi kesejahteraan masyarakat di daerah Kerian.

Sepanjang tahun 2024, MDK memberi penekanan terhadap pengukuhan tadbir urus yang telus, berakauntabiliti dan berorientasikan hasil. Usaha bersepadu ini membuahkan hasil apabila MDK berjaya mengekalkan Penarafan 5 Bintang dalam Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan yang diselaraskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Pengiktirafan ini merupakan tahap tertinggi yang mencerminkan keupayaan organisasi dalam mengurus kewangan secara berhemah, merancang pembangunan secara strategik serta menyampaikan perkhidmatan yang efisien dan responsif kepada rakyat.

Dalam usaha memperkukuh ekosistem ekonomi tempatan, MDK turut menerima Anugerah Khas "Ease of Doing Business". Pengiktirafan ini membuktikan komitmen berterusan dalam memudah cara urusan pelaburan dan perniagaan melalui pemendekan tempoh kelulusan, penambahbaikan prosedur kerja serta pengurangan kerenah birokrasi. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan komuniti perniagaan, malah merangsang pertumbuhan ekonomi setempat secara mampan dan inklusif.

Komitmen terhadap amalan pengurusan berkualiti turut diterjemahkan melalui pengekalanan Pensijilan ISO 9001:2015 sehingga 28 Disember 2026. Pensijilan ini memastikan setiap proses kerja dilaksanakan secara sistematik, berpiawaian dan sentiasa melalui penambahbaikan berterusan. Dalam masa yang sama, pelaksanaan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ABMS) MS ISO 37001:2016 memperkukuh integriti organisasi dengan menginstitutionkan kawalan dalaman, pemantauan risiko rasuah serta pematuhan kepada prinsip tadbir urus terbaik.

Dari sudut kemampuan pembangunan, MDK telah mencapai Status Bandar Mampan MURNInets 2024 dengan skor 95.26 peratus. Pencapaian ini membuktikan bahawa perancangan dan pelaksanaan pembangunan daerah dilaksanakan secara seimbang dengan mengambil kira dimensi sosial, ekonomi dan alam sekitar. Pendekatan pembangunan mampan ini memastikan kesejahteraan generasi masa kini tidak menjejaskan keperluan generasi akan datang.

Di peringkat negeri, MDK terus menyerlah dalam aspek pengurusan persekitaran dan penglibatan komuniti. Kejayaan merangkul Johan Kategori Pintu Gerbang dan Johan Kategori Majlis Daerah (PBT) dalam Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan Negeri Perak mencerminkan komitmen tinggi terhadap kebersihan, keceriaan dan semangat patriotisme. Selain itu, penerimaan Sijil Penghargaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Negeri Perak memperlihatkan hubungan yang harmoni antara pihak pengurusan dan warga kerja, sekali gus mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan produktif.

Dalam aspek pengurusan kewangan, MDK telah memperoleh Sijil Tanpa Teguran bagi Penyata Kewangan Tahun 2023. Pencapaian ini menunjukkan tahap pematuhan dan ketelitian yang tinggi dalam pengurusan sumber kewangan awam. Kejayaan ini diperkukuhkan lagi dengan pencapaian 83.17 peratus dalam Pengauditan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) 2023, yang menzahirkan komitmen berterusan dalam membudayakan nilai integriti, profesionalisme dan etika kerja dalam kalangan warga organisasi.

Kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan turut dizahirkan melalui pencapaian 100 peratus penyelesaian aduan biasa menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA). Pencapaian ini mencerminkan tahap responsif yang tinggi terhadap isu dan keperluan masyarakat. Selain itu, pematuhan cemerlang terhadap pemantauan Laman Web Servis Kerajaan (SPLASK) memastikan maklumat yang disalurkan kepada orang awam sentiasa dikemas kini, tepat dan mudah diakses.

Budaya inovasi terus diperkasa melalui penyertaan aktif dalam pelbagai pertandingan dan program pembangunan organisasi seperti Pertandingan Inovasi MALA 3.0 Piala YB Menteri KPKT serta Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Perak. Penyertaan ini mendorong warga kerja untuk berfikir secara kreatif, menghasilkan penyelesaian baharu serta menambah baik proses kerja sedia ada. Di samping itu, penglibatan dalam Pertandingan Koir PBT Piala YAB Menteri Besar Perak Tahun 2024 turut memupuk semangat kerja berpasukan, disiplin dan keseimbangan pembangunan sahsiah.

MDK juga memberi perhatian serius terhadap kesejahteraan warga kerja. Pelaksanaan Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (Perkhidmatan Awam) 2024 menjadi asas penting dalam mengenal pasti tahap kesejahteraan emosi dan psikologi warga organisasi. Dapatan kajian ini akan dijadikan panduan dalam merangka langkah intervensi dan sokongan yang bersesuaian bagi memastikan persekitaran kerja yang sihat, selamat dan menyokong produktiviti.

Sesungguhnya, keseluruhan pencapaian ini merupakan hasil komitmen kolektif seluruh warga kerja, sokongan padu Ahli-Ahli Majlis serta kerjasama erat rakan strategik dan komuniti setempat. Kejayaan yang diraih bukan sekadar simbol pengiktirafan, tetapi mencerminkan kesungguhan dan iltizam bersama dalam merealisasikan aspirasi pembangunan daerah Kerian yang progresif dan berdaya tahan.

Melangkah ke tahun 2025, MDK akan terus memperkukuh agenda transformasi organisasi dengan menekankan inovasi, pendigitalan menyeluruh dan tadbir urus berintegriti. Perancangan pembangunan akan terus berteraskan prinsip kemampuan, inklusiviti dan kesejahteraan rakyat. Dengan tekad dan komitmen yang berterusan, MDK yakin dapat meneruskan kecemerlangan serta memberikan perkhidmatan yang terbaik demi kepentingan masyarakat dan kemajuan daerah Kerian.

Sekian, terima kasih.

HELMI BIN YUSOF@JUSOH, PCM,AMP
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

1

BAHAGIAN

PROFIL KORPORAT

1.1 Latar Belakang

1.2 Visi, Misi dan Dasar Kualiti


1.3 Fungsi Utama

LATAR BELAKANG

SEJARAH PENUBUHAN MAJLIS DAERAH KERIAN

Majlis Daerah Kerian telah ditubuhkan dan diwartakan pada 1 September 1979. Pengisytiharan MDK telah dibuat oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Idris Al Mutawakkil Alallahi Shah Ibni Almarhum Sultan Iskandar Shah Kaddasallah pada 5 September 1979. Sebelum penubuhan Majlis Daerah Kerian (MDK), satu pentadbiran di peringkat kerajaan tempatan telah ditubuhkan bagi memainkan fungsi dan peranannya mentadbir dan mengurus pentadbiran di peringkat daerah yang dikenali sebagai Lembaga Bandaran Kerian pada 1 Julai 1975.

PROFIL DAERAH KERIAN



Keluasan Kawasan Pentadbiran	: 921.47km
Keluasan Kawasan Operasi	: 163.66km
Keluasan Kawasan Kawalan	: 757.81km
Jumlah Penduduk	: 168,400 orang
Jumlah Pegangan Cukai Taksiran	: 34,483 pegangan
Mukim (8 mukim)	: Parit Buntar
	: Bagan Serai
	: Beriah
	: Semanggol
	: Selinsing
	: Kuala Kurau
	: Tanjung Piandang
	: Bagan Tiang

VISI, MISI, DASAR KUALITI

1.2

VISI

KERIAN SEBAGAI PERBANDARAN LESTARI DAN MAMPAN

Majlis Daerah Kerian akan merealisasikan visi Majlis dengan:

- Menyediakan pembangunan yang terancang
- Memberikan perkhidmatan dan infrastruktur perbandaran yang lengkap
- Memenuhi keperluan yang seimbang antara ekonomi, sosial dan alam sekitar
- Memastikan ciri-ciri bandar selamat dilaksanakan dalam kawasan pentadbiran majlis dengan acuan yang tersendiri.

MISI

MEMPERKASAKAN PERKHIDMATAN TADBIR URUS, BERPAKSIKAN KUALITI, KETELUSAN DAN KECEKAPAN BAGI MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN

- Menyediakan kemudahan infrastruktur yang berkualiti
- Menyediakan keperluan perkhidmatan perbandaran
- Mengamalkan konsep bandar selamat dan bandar dalam taman
- Memupuk persekitaran yang kondusif dan harmoni
- Menjalin dan membina hubungan dengan warga Kerian dan rakan kongsi
- Mengamalkan tahap tadbir urus yang responsif

DASAR KUALITI

Majlis Daerah Kerian komited untuk menyampaikan perkhidmatan perbandaran dengan cekap dan berkesan bagi memenuhi keperluan pelanggan serta pihak berkepentingan. Penyampaian perkhidmatan akan sentiasa ditambah baik secara berterusan untuk menjadikan Kerian perbandaran progresif, hijau dan lestari.

1.3

FUNGSI UTAMA

- i. Melaksanakan dasar-dasar kerajaan persekutuan dan negeri terutamanya dasar pembangunan negara dan Wawasan 2020.
- ii. Merancang, melaksana dan mengawal semua aspek pembangunan fizikal dengan berasaskan kepada rancangan pemajuan, kehendak undang-undang, piawaian perancangan dan polisi-polisi yang diterima pakai oleh Majlis.
- iii. Menyedia dan meningkatkan peluang-peluang perniagaan dan perdagangan secara teratur, komprehensif dan berpotensi ke atas nilai-nilai ekonomi.
- iv. Menyediakan kemudahan infrastruktur dan rekreasi yang selesa dan harmoni dengan penekanan kepada usaha membaik pulih kemudahan sedia ada.
- v. Meningkatkan kawalan kesihatan, kebersihan dan pengindahan untuk mewujudkan suasana kehidupan yang selesa dan harmoni.
- vi. Menguatkuasa undang-undang yang diterima pakai.
- vii. Memastikan setiap tindakan dan pelaksanaan tugas dengan mengambil kira "*value for money*".
- viii. Memberikan keselesaan dan keharmonian kepada orang ramai melalui usaha-usaha perkhidmatan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan.

2

BAHAGIAN

PASUKAN KAMI

2.1 Ahli-Ahli Majlis

2.2 Carta Organisasi Majlis Daerah Kerian

2.1

AHLI-AHLI MAJLIS

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 4
 ENCIK IMRAN BIN MOHD YUSOF	ALAMAT: NO.3, JALAN TODAK TAMAN SERI TENGGARA 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON : 012-413 4413	1. PUSAT BANDAR PARIT BUNTAR 2. TAMAN KERIAN V, VI 3. PUSAT BANDAR PARIT BUNTAR FASA 2 4. TAMAN KERIAN I,II,III,IV 5. KAWASAN PERUSAHAAN PARIT BUNTAR

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 2
 ENCIK P SIVARAJOO A/L PENCILILAYA	ALAMAT: 12, JALAN DAMAI 2 TAMAN DAMAI 3 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON : 019-488 1277	1. TAMAN SETIA JAYA 2. TAMAN DAMAI III 3. TAMAN KERIAN PERMAI 4. TAMAN SERI WANGSA 5. JALAN SEMPADAN 6. KAMPUNG KEDAH

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 4
 ENCIK MOHD ASYRAF BIN ANUAR	ALAMAT: J 11, JALAN BUNGA KENANGA, TAMAN KERIAN 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON : 014-606 9985	1. PUSAT BANDAR PARIT BUNTAR 2. TAMAN KERIAN V, VI 3. PUSAT BANDAR PARIT BUNTAR FASA 2 4. TAMAN KERIAN I,II,III,IV 5. KAWASAN PERUSAHAAN PARIT BUNTAR

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 5
 FATIH NABILA BINTI SHARIZUL	ALAMAT: F606A, PARIT TOK NGAH JALAN BARU 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON : 010-393 0650	1. TAMAN PUTERA 2. SIMPANG EMPAT 3. TAMAN SENTOSA 4. TAMAN HARMONI 5. TAMAN MURNI 6. KAMPUNG KEDAH 7. KAMPUNG PERAK 8. SIMPANG TIGA

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 7
 PUAN CHUA SEOK KHENG	ALAMAT: NO.1, JALAN KURAU INDAH2, TAMAN KURAU INDAH, 34350 KUALA KURAU NO TELEFON : 016-568 8805	1. PEKAN KUALA KURAU 2. KAMPUNG MASJID BATU 3. KAMPUNG TOK ADAM 4. TAMAN KURAU 5. TAMAN KURAU JAYA 6. TAMAN KURAU INDAH 7. RPT KC. RAJA BASHAH 8. KAMPUNG PANDAK PUTEH 9. JALAN BESAR KUALA KURAU 10. PSKT KUALA GULA 11. TAMAN BERSATU KUALA GULA 12. TAMAN MUHIBBAH KUALA GULA

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 7
 PUAN YEAP HUI MIN	ALAMAT: NO.3358, JALAN PANTAI, 34350 KUALA KURAU NO TELEFON : 017-460 1938	1. PEKAN KUALA KURAU 2. KAMPUNG MASJID BATU 3. KAMPUNG TOK ADAM 4. TAMAN KURAU 5. TAMAN KURAU JAYA 6. TAMAN KURAU INDAH 7. RPT KC. RAJA BASHAH 8. KAMPUNG PANDAK PUTEH 9. JALAN BESAR KUALA KURAU 10. PSKT KUALA GULA 11. TAMAN BERSATU KUALA GULA 12. TAMAN MUHIBBAH KUALA GULA

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 6
 PUAN NORSALEWATI BINTI MAT NORWANI	ALAMAT: NO. 1, JLN SURIA FIRUS 1 TAMAN SURIA FIRUS 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON : 012-475 6160	1. TAMAN DAHLIA 2. KAMPUNG MELAKA 3. KAMPUNG PERAK 4. TAMAN DESA AMAN 5. TAMAN AMAN SEJAHTERA 6. TAMAN AMAN INDAH 7. TAMAN BAHACIA 8. TAMAN AMAN MUHIBBAH

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 3
 PUAN LOW LEE MEE	ALAMAT: NO. 18, TINGKAT MURAL 8, TAMAN SELESA, 14300 NIBONG TEBAL NO TELEFON : 017-415 4898	1. TAMAN DAMAI I, II 2. TAMAN KERIAN PERMAI 3. TAMAN SERI SEMARAK 4. TAMAN SERI TENGGARA 5. TAMAN WAWASAN JAYA 6. JALAN SEMPADAN 7. KAMPUNG KEDAH 8. RPA TAMAN ISMAIL RAOF

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 8
 MUHAMMAD ZUHAILI BIN RAMLI	ALAMAT: 4, JALAN RAJA BASHAH 7, RPT KAMPUNG RAJA BASHAH 34350 KUALA KURAU NO TELEFON: 014-600 8344	1. JALAN BESAR 2. JALAN PANTAI 3. KAMPUNG TOK NGAH 4. TAMAN KURAU AMAN 5. TAMAN KURAU PERMAI 6. TAMAN KURAU MURNI 7. TAMAN PANTAI 8. BATU 14, JALAN PANTAI 9. TAMAN KURAU LESTARI 10. TAMAN SERI KURAU 11. TAMAN KURAU SEJATI 12. TAMAN KURAU SENTOSA

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 8
 MOHD SUKRI BIN MAT NURDIN	ALAMAT: NO.167, BATU 4, JALAN SIKAP 34350 KUALA KURAU NO TELEFON: 017-524 9463	1. JALAN BESAR 2. JALAN PANTAI 3. KAMPUNG TOK NGAH 4. TAMAN KURAU AMAN 5. TAMAN KURAU PERMAI 6. TAMAN KURAU MURNI 7. TAMAN PANTAI 8. BATU 14, JALAN PANTAI 9. TAMAN KURAU LESTARI 10. TAMAN SERI KURAU 11. TAMAN KURAU SEJATI 12. TAMAN KURAU SENTOSA

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 9
 ENCIK BEH YONG KEAN	ALAMAT: 402, BAGAN SELATAN, 34250 TANJONG PIANDANG NO TELEFON: 017-405 6680	1. JALAN BESAR 2. PEKAN TANJUNG PIANDANG 3. K.C. JALAN PANTAI 4. TAMAN PIANDANG INDAH 5. TAMAN PIANDANG SENTOSA 6. TAMAN PIANDANG 7. K.C. BAGAN UTARA 8. K.C. BAGAN SELATAN 9. PEKAN BAGAN TIANG

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 10
 ENCIK MUHAMMAD MAKHAIE BIN WAHAB@ ABD WAHAB	ALAMAT: NO.77, JALAN MURNI 2, TAMAN MURNI 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON: 019-574 9656	1. PEKAN SIMPANG LIMA 2. TAMAN SEROJA 3. TAMAN MELOR 4. TAMAN SERI AMAN 5. TAMAN AMAN JAYA 6. TAMAN AMAN JAYA 1 7. JALAN TALI AIR 8. KAWASAN IKS SIMPANG 5 9. TAMAN DESA MEKAR

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 11
 HAJI SHAहरुUL HIZAM BIN RAZALI	ALAMAT: NO 11, TAMAN PELANGI JALAN BAHRU BATU 6 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON: 016-515 2069	1. TAMAN DESA INDAH 2. TAMAN ZAMRUD 3. TAMAN BERLIAN 4. TAMAN MUTIARA 5. TAMAN NILAM 6. TAMAN INTAN 7. PEKAN BATU 5 JALAN BAHARU 8. TAMAN PERMATA CAHAYA 9. TAMAN PERMATA 10. TAMAN PELANGI 11. TAMAN MUTIARA PELANGI 12. TAMAN MUTIARA INDAH 13. TAMAN INTAN PELANGI

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 12
 ENCIK NAZIRUL BIN JAMALUDDIN	ALAMAT: NO.20, JALAN KUBU GAJAH 34400 SIMPANG EMPAT SEMANGGOL NO TELEFON: 012-559 5183	1. PEKAN ALOR PONCSU 2. TAMAN SRI PONCSU 3. TAMAN PONCSU MAWAR 4. TAMAN PONCSU TERATAI 5. TAMAN PONCSU MELATI 6. JALAN STESEN

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 13
 ENCIK MUIRTHY A/L KANAPATHY	ALAMAT: NO A 963, BATU 1 1/2 JALAN SELAMA 34300 BAGAN SERAI NO TELEFON: 012-4431219	1. JALAN PERSEKUTUAN 1 2. RPT SUNGAI RAWA 3. TAMAN ANGGERIK 4. TAMAN CEMPAKA 5. PEKAN SG. BOCAK 6. KAMPUNG PADRI 7. TAMAN SERAI 8. TAMAN SERAI MUDA 9. TAMAN SERI SIAKAP 10. TAMAN SERI INTAN

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 14
 NURSYUHADA BINTI BAHARON	ALAMAT: NO. 19 KG MATANG PASIR SIMPANG EMPAT 34400 SEMANGGOL NO TELEFON: 019-812 2799	1. TAMAN SERAI JATI 2. TAMAN SERAI MERBAU 3. TAMAN SERAI MURNI 4. TAMAN KERAMAT INDAH 5. PUSAT BANDAR BAGAN SERAI 6. JALAN BESAR BAGAN SERAI 7. LORONG PASAR (LORONG JETTY) 8. KAMPUNG HEAP CHOON

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 16
 ENCIK MARK AMANDUS A/L LAURANCE	ALAMAT: NO 11, JALAN SERAI MUDA 6, TAMAN SERAI MUDA 34300 BAGAN SERAI NO TELEFON: 014-309 1858	1. TAMAN BAGAN SERAI 2. TAMAN BAGAN SERAI BARU 3. TAMAN MEWAH 4. TAMAN SINAR 5. TAMAN SINAR 1 6. TAMAN SERAI SAUJANA 7. TAMAN SERAI EMAS 8. TAMAN SERAI PERDANA 9. TAMAN SIAKAP INDAH 10. KAMPUNG TELUK 11. TAMAN SERAI JAYA 12. TAMAN SERAI PERMAI 13. LADANG JIN SENG 14. TAMAN SERAI PRIMA

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 15
 ENCIK NG CHEONG PIEW	ALAMAT: 477-A, LORONG SIKAP 34300 BAGAN SERAI NO TELEFON: 012-409 5391	1. TAMAN SERAI WANGI 2. TAMAN SERAI SERAI 3. TAMAN SERAI INDAH 4. TAMAN SERAI MAYANG 5. TAMAN SERAI ZAMRUD 6. TAMAN SERAI MUTIARA 7. TAMAN SERAI DELIMA 8. TAMAN SERAI SENTOSA 9. TAMAN SERAI PERMAITA 10. TAMAN SERAI MAJU 11. LORONG PASAR (LORONG JETTY) 12. KAMPUNG HEAP CHOON

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 17
 ENCIK SHAHARUDDIN BIN HASHIM	ALAMAT: NO. 86, SIMPANG EMPAT KAMPUNG KEDAH 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON: 012-429 7197	1. PEKAN SPG. EMPAT SEMANGGOL 2. TAMAN SEMANGGOL INDAH 3. TAMAN SEMANGGOL HARMONI 4. TAMAN SELINSING MAWAR 5. TAMAN SELINSING SENTOSA 6. TAMAN SELINSING MELATI 7. TAMAN SELINSING INDAH 8. TAMAN MAHSURI 9. TAMAN SERI SELINSING 10. RPT JALAN CULA 11. PEKAN SUNGAI CEDONG 12. TAMAN CEDONG INDAH 13. TAMAN SEMANGGOL PERMAI 14. TAMAN SRI SEMANGGOL 15. TAMAN SELINSING KENANGA

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 18
 ENCIK AHMAD SAQIF ANSORULLAH BIN AHMAD JIHBADZ MOKHLIS	ALAMAT: ABQ16 JALAN KG EHYA 34400 SIMPANG EMPAT SEMANGGOL NO TELEFON: 013-439 3751	1. PEKAN GUNONG SEMANGGOL 2. TAMAN SEMANGGOL HARMONI 3. TAMAN SEMANGGOL JATI 4. JALAN KUBU CAJAH 5. TAMAN INDAH JAYA 6. PERSIMPANGAN JALAN KG. SELAMAT 7. PEKAN BUKIT MERAH 8. BANDAR LEMBAH BERIAH 9. PEKAN CHANKAT LOBAK 10. PPM BATU 6

<https://www.mdkerian.gov.my>

Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 1
 PUAN KHOR KIM HONG	ALAMAT: NO. 11, JALAN PERMAI 3/4, TAMAN KERIAN PERMAI, 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON: 016-455 5044	1. PEKAN LAMA PARIT BUNTAR 2. JALAN DENNISTOWN 3. TAMAN KERIAN SENTOSA 4. TAMAN KERIAN INDAH 5. TAMAN PEKAN BARU 6. TAMAN PARIT BUNTAR 7. PPR TOH JABIT 8. TAMAN ABDUL RAOF 9. TAMAN MAWAR 10. TAMAN ORKID 11. TAMAN KERIAN PUTRA

<https://www.mdkerian.gov.my>


Personalia
AHLI MAJLIS LANTIKAN
 16 MAC 2024 HINGGA 15 MAC 2026
 MAJLIS DAERAH KERIAN

NAMA AHLI MAJLIS	ALAMAT NO TELEFON	ZON 1
 ENCIK JAYAPANDIAN A/L RATNASAMY	ALAMAT: NO. 1, JALAN PERMAI 3/5 TAMAN KERIAN PERMAI 34200 PARIT BUNTAR NO TELEFON: 012-466 9841	1. PEKAN LAMA PARIT BUNTAR 2. JALAN DENNISTOWN 3. TAMAN KERIAN SENTOSA 4. TAMAN KERIAN INDAH 5. TAMAN PEKAN BARU 6. TAMAN PARIT BUNTAR 7. PPR TOH JABIT 8. TAMAN ABDUL RAOF 9. TAMAN MAWAR 10. TAMAN ORKID 11. TAMAN KERIAN PUTRA

<https://www.mdkerian.gov.my>

CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH KERIAN

2.2



3

BAHAGIAN

PRESTASI MDK

3.1 Pencapaian MDK Sepanjang Tahun 2024

PENCAPAIAN MDK SEPANJANG TAHUN 2024

3.1

Sepanjang tahun 2024, Majlis Daerah Kerian telah dianugerahkan sebanyak 17 pengiktirafan berprestij hasil daripada komitmen, pencapaian cemerlang serta kecemerlangan dalam pelbagai bidang perkhidmatan.

BIL	PERKARA	PERINGKAT (NEGERI/KEBANGSAAN/ ANTARABANGSA)	PENCAPAIAN
1	Anugerah Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan Tahun 2024 (5 Bintang)	Kebangsaan	5 Bintang (90.59)
2	Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015	Kebangsaan	Mengekalkan Pensijilan sehingga 28 Disember 2026
3	Pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Bribery (ABMS) MS ISO 37001:2016	Kebangsaan	Tarikh pensijilan: 12 Disember 2024 Tarikh luput: 11 Disember 2027
4	Pengauditan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) 2023	Kebangsaan	83.17%
5	Laporan Pelaksanaan Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (Perkhidmatan Awam) Tahun 2024	Kebangsaan	31 Oktober 2024
6	Pertandingan Inovasi Mala 3.0 Piala YB Menteri KPKT 2024/2025	Kebangsaan	22 November 2024 Saringan Pertama: 30 Inovasi Terbaik PROJEK: ESmaC
7	Malaysia Smart City Recognition (<i>Smart City Early Adopter 2024</i>)	Kebangsaan	28 Oktober 2024 (sijil penyertaan)

BIL	PERKARA	PERINGKAT (NEGERI/KEBANGSAAN/ ANTARABANGSA)	PENCAPAIAN
8	Status Bandar Mampan Murninets 2024	Negeri	(95.26%)
9	Anugerah Khas 'Ease Of Doing Business'	Negeri	Tarikh Penerimaan: 7 Disember 2024
10	Pertandingan Keceriaan Bulan Kebangsaan Negeri Perak	Negeri	-Johan Kategori Pintu Gerbang -Johan Kategori Majlis Daerah (PBT)
11	Sijil Tanpa Teguran Bagi Penyata Kewangan Mdk 2023	Negeri	
12	Penarafan Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (MYAUDIT) Tahun 2024	Negeri	99.61% (5 bintang)
13	Pematuhan Terhadap Pemantauan Laman Web Servis Kerajaan (SPLASK) Bagi Tahun 2023	Negeri	
14	Penyelesaian 100% Aduan Biasa Di Dalam Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) Bagi Tahun 2023	Negeri	
15	Sijil Penghargaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan / Agensi Di Bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak Bagi Tahun 2024	Negeri	6 Januari 2025
16	Pertandingan KIK Peringkat Negeri Perak Tahun 2024 (Jabatan Negeri)	Negeri	3 September 2024 Penyertaan PROJEK: ESmaC
17	Pertandingan Koir Pihak Berkuasa Tempatan Piala YAB Menteri Besar Perak Tahun 2024	Negeri	19 Disember 2024

4

BAHAGIAN

KEWANGAN

MDK

4.1 Hasil

4.2 Percukaian Harta

4.3 Perbelanjaan

4.4 Pengurusan dan Perolehan Kontrak


4.1

HASIL

4.1.1 KOMPOSISI HASIL MAJLIS

Laporan Penyata Penerimaan Hasil Bagi Tahun 2024


BIL	PERKARA	BAJET (RM)	KUTIPAN HASIL (RM)	PERATUS (%)
1.	Hasil Cukai	10,013,062.45	9,841,269.24	98
2.	Hasil Bukan Cukai	8,647,659.26	10,362,834.92	120
3.	Terimaan Bukan Hasil	3,549,534.29	4,626,996.28	130
JUMLAH		22,210,256.00	24,831,100.44	112




4.1.2 KUTIPAN TUNGGAKAN HASIL CUKAI TAKSIRAN

MDK telah menubuhkan Unit Tunggakan pada bulan April 2024 yang ditugaskan khas untuk mengutip tunggakan cukai taksiran.

Kutipan Tunggakan Tahun 2024 (RM JUTA)



Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran Tahun 2023 dan 2024



4.1.3 MAKLUMAT KUTIPAN SECARA ONLINE MELALUI GERBANG PEMBAYARAN ATAS TALIAN eBayar, PBTpay dan JOMPAY



MDK dalam usaha untuk memperkenalkan bayaran tanpa tunai sepenuhnya dengan menggalakkan penggunaan bayaran atas talian selaras dengan agenda pendigitalan Negeri Perak melalui beberapa kemudahan seperti PBTPay, JomPAY dan Gerbang Pembayaran eBayar.

Kemudahan Pembayaran	Jumlah Transaksi
PBTPay	3,228
Jompay	8,681
eBayar	6,675
Jumlah	18,584

4.1.4 MAKLUMAT KUTIPAN SECARA ONLINE MELALUI GERBANG PEMBAYARAN ATAS TALIAN eBayar, PBTpay dan JOMPAY



Aplikasi pintar Park@Perak ini dibangunkan hasil kerjasama Kerajaan Negeri Perak Bersama 15 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)Perak. Aplikasi Park@Perak digunakan di MDK sebagai alternatif saluran pembayaran caj tempat letak kereta. Antara kelebihan Park@Perak ialah :-

- Menjimatkan kos mencetak buku kupon.
- Peningkatan hasil kutipan tempat letak kereta MDK kerana pengguna lebih cenderung membuat pembayaran dalam talian.
- Memudahkan pengguna untuk membuat semakan dan pembayaran kompaun lalu lintas PBT Perak.
- Memudahkan urusan pengguna membuat pembayaran caj tempat letak kereta.
- Pengguna yang bekerja di luar kawasan atau yang tinggal bukan di kawasan Daerah Kerian mudah untuk membuat pembayaran caj tempat letak kereta dengan adanya Pas Harian.

JUMLAH TRANSAKSI

354,515

4.2

PERCUKAIAN HARTA


4.2.1. PEGANGAN CUKAI TAKSIRAN MENGIKUT MUKIM

MUKIM	PEGANGAN
PARIT BUNTAR	11,450
BAGAN SERAI	10,803
KUALA KURAU	3,840
TANJONG PIANDANG	1,679
BAGAN TIANG	591
BERIAH	1,172
SELINSING	861
GUNUNG SEMANGGOL	4,011
JUMLAH	34,407

4.2.2. PEGANGAN CARUMAN MEMBANTU KADAR

BIL.	JABATAN	PEGANGAN
1	PERSEKUTUAN	1120
2	NEGERI	371
3	BADAN BERKANUN	136
	JUMLAH	1627

4.2.3 PERATUS PEGANGAN CUKAI TAKSIRAN MENGIKUT MUKIM 2024



4.2.4 PENILAIAN SEMULA

Majlis Daerah Kerian telah memulakan kerja-kerja penilaian semula seawal tahun 2016. Walau bagaimanapun, kerja-kerja ini tertangguh disebabkan banyak faktor. Kerja-kerja ini disambung semula pada tahun 2022 dan akhirnya semua proses berjaya diselesaikan. Pada 21 November 2024 senarai nilai baharu disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Majlis Daerah Kerian menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di negeri Perak yang menyiapkan kerja-kerja penilaian semula dalam tempoh lebih 30 tahun setelah senarai dahulu disahkan.

4.2.5 GERAK KERJA PENILAIAN SEMULA BAGI PENGUATKUASAAN DAN PENGESAHAN SENARAI NILAIAN DAN KADAR CUKAI BAHARU MAJLIS DAERAH KERIAN TAHUN 2025

PROSES KELULUSAN PERINGKAT NEGERI & MAJLIS DAERAH KERIAN

BIL	PERKARA	TETAPAN TARIKH	HARI	CATATAN
1	Pembentangan dan perbincangan di dalam Mesyuarat J/K Penilaian	19 Mei 2023	Jumaat	Untuk pemakluman kepada JK Penilaian. Pembentangan aras 2022 dan senarai nilai baharu 2024.
2	Mesyuarat Penuh Khas Majlis Daerah Kerian	31 Mei 2023	Selasa	Untuk mendapatkan kelulusan. Pinda kuatkuasa SN 2025. Keputusan ditangguhkan
3	Pembentangan kepada PSUK-BKT	24 Ogos 2023	Khamis	Untuk mendapatkan pandangan.
4	Rundingan awal bersama-sama YB Exco Kerajaan Tempatan	31 Oktober 2023	Selasa	Untuk mendapatkan pandangan.
5	Rundingan awal bersama YAB MB Perak dan Exco Kerajaan Negeri	-	-	Untuk mendapatkan pandangan (jika perlu).
6	Kemaskini maklumat pegangan	22 Ogos 2023 - 10 November 2023	Selasa (3 bulan)	Kemaskini maklumat pegangan yang mempunyai ubahsuai bangunan dan harta baru.
7	Mesyuarat Penuh Majlis Daerah Kerian	28 Disember 2023	Khamis	Untuk mendapat kelulusan.
8	KELULUSAN PENGUATKUASAAN SENARAI NILAIAN BAHARU DARI PBN Sek.127, 137			
	-Mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri Perak	7 Mac 2024	Khamis	
	-Endos - Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Perak	13 Mac 2024	Rabu	
9	PEWARTAAN Sek.141 (1)	25 April 2024	Khamis	(47 hari) * mesti tidak kurang 42 hari (52 hari) * mesti tidak kurang 42 hari (15 hari) * mesti tidak kurang 14 hari
10	IKLAN - 2 SURAT KHABAR Sek.141 (1) Bunting, Banner, Laman Web MDK, Whats up dll.	25 April 2024	Khamis	
11	Pemilik boleh mula periksa Senarai Nilai Baharu di pejabat MDK. Sek.141(2)	22 April 2024 - 30 April 2024	Selasa	
12	Hantar notis kepada pemilik. Sek.141(1) (3)	22 April 2024 - 30 April 2024	Isnin - Ahad (9 hari)	
13	MDK terima bantahan (orang awam mula buat bantahan).	22 April 2024	Isnin	
14	Tarikh akhir buat bantahan. Sek.142(1)	29 Mei 2024	Rabu	
15	Tarikh menyemak Senarai Nilai Baharu Sek.141(3)	12 Jun 2024	Rabu	
16	Mesyuarat Mendengar Bantahan Sek.142(2), 143(3)	16 dan 18 Julai 2024	Selasa dan Khamis	Mendengar bantahan dan mendapatkan maklumat berkaitan bantahan.
17	Mesyuarat J/K Penilaian dan Mendengar Bantahan	4 September 2024	Rabu	Mencadangkan dan memutuskan keputusan bantahan
18	Mesyuarat Penuh	13 September 2024	Jumaat	Membincang dan endos keputusan bantahan.
19	Rundingan awal bersama-sama YB Exco Kerajaan Tempatan	17 Oktober 2024	Khamis	Untuk mendapatkan pandangan.
20	-Pengesahan Senarai Nilai Baharu peringkat MMK. Sek.143(1) -MMK endors keputusan pengesahan Senarai Nilai Baharu peringkat MMK Sek.143(2)	6 November 2024 6 November 2024	Rabu Rabu	Untuk mendapat pengesahan setelah semua bantahan didengar. Bergantung kepada kekosongan tarikh MMK.
21	Sediakan draf warta pengesahan Senarai Nilai	6 November 2024 - 11 November 2024	Rabu - Isnin	Untuk mendapatkan kelulusan semakan dari PPU MDK, KT dan LA negeri.
22	Siar pengesahan Senarai Nilai Baharu (warta / iklan / Laman Web MDK) Sek.143(2)	12 Disember 2024	Khamis	Pemakluman kepada semua pemilik pegangan di dalam kawasan pentadbiran MDK.
23	Hantar keputusan bantahan kepada pembantah	2 Disember 2024 - 13 Disember 2024	Isnin - Jumaat	Makluman kepada semua pembantah berkaitan keputusan Bantahan.
24	Intergrasi sistem dan migrasi data. Ujian data 1.	6 November 2024	Rabu	Kemasukan data ke sistem ePBT.
25	Ujian data 2.	02 Disember 2024	Isnin	Membuat semakan kepada data yang dimasukkan
26	Ujian data 3.	10 Disember 2024	Selasa	Membuat semakan kepada data, kemaskini dan proses bil awal untuk dikuatkuasakan pada 1 Januari 2025.
27	Kuatkuasa Senarai Nilai Baharu Sek.143 (1) (3)	1 Januari 2025	Rabu	Senarai Nilai Baharu dikuatkuasakan.

4.2.6 JADUAL KADAR BAHARU PENILAIAN SEMULA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (Akta 171)

PEMBERITAHU DI BAWAH SEKSYEN 143

PENGESAHAN SENARAI NILAIAN BAHARU

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah seksyen 127, 129 dan 163 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) maka diberitahu bahawa Majlis Daerah Kerian menurut peruntukan seksyen 137 Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri telah menyediakan satu Senarai Nilai baru terhadap semua pegangan di dalam Kawasan Majlis Daerah Kerian yang akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2025.

Maka itu, pemberitahuan bahawa di bawah peruntukan seksyen 143 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Pihak Berkuasa Negeri telah mengesahkan Senarai Nilai baru menggunakan Aras Nilai Tahun 2022 dan kadar berpandukan kepada jenis pegangan dan kegunaannya dan terpakai untuk seluruh kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kerian dengan kadar yang berlainan seperti berikut berkuatkuasa 1 Januari 2025.

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Harta (%)
1.	<u>SKIM PEMBANGUNAN TERANCANG</u>	
	a) Industri	4.50
	b) Perniagaan	4.50
	c) Kediaman	3.80
2.	<u>PEMBANGUNAN TIDAK TERANCANG</u>	
	a) Industri	3.60
	b) Perniagaan	3.60
	c) Kediaman	3.20
3.	<u>SELURUH KAWASAN MAJLIS DAERAH KERIAN</u>	
	a) Menara Telekomunikasi	14.00
	b) Harta Khas	4.50
	i. Empangan	
	ii. Tangki Air	
	iii. Loji Rawatan Air	
	iv. Hotel	
	v. Pasaraya Besar	
	vi. Solar	
	vii. Taman Tema	
	viii. Stesen Minyak	
	c) Rancangan Perumahan Awam (RPA)	3.30
	d) Tanah Kosong Bersyarat Bangunan:	
	i. Perniagaan	3.30
	ii. Kediaman	3.30
	iii. Tanah Kosong Bersyarat Industri	3.30
	e) Tanah Kosong Bersyarat Pertanian	0.00
	f) Tanah Pertanian Tidak Dimajukan	0.00

Bil.	Jenis Pegangan	Kadar Cukai Harta (%)
	g) Paip Gas	2.00
	h) Ladang	1.00
	i) Kediaman Kos Rendah	3.30
	j) Kediaman	
	i. Strata	3.80
	ii. Strata Kos Rendah	3.30
	k) Perniagaan - Strata	4.50
4.	HARTA SMK BAGI PERSEKUTUAN, NEGERI DAN BADAN BERAKANUN	KERAJAAN Kadar sama seperti harta-harta awam di kawasan berkenaan

Senarai Nilai baharu yang telah diluluskan dan disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri ini terpakai sehingga suatu masa ianya digantikan dengan Senarai Nilai lain dan Senarai Nilai yang telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri ini akan disimpan oleh Majlis Daerah Kerian. Semua pemunya dan penduduk bagi pegangan yang terkandung di dalam Senarai Nilai tersebut boleh memeriksa Senarai Nilai itu di pejabat Majlis Daerah Kerian, Jalan Padang, 34200 Parit Buntar, Perak pada waktu pejabat.

Bertarikh 12 November 2024
[MDK PEN G/18 JLD 3 ()]

HELMI BIN YUSOF @ JUSOH
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian

4.2.7 JADUAL HASIL CUKAI TAKSIRAN PENILAIAN SEMULA

KATEGORI	JUMLAH PEGANGAN	CUKAI SEMASA		NILAI TAHUNAN BAHARU	KADAR BAHARU		
		NILAI TAHUNAN	CUKAI		CUKAI	BEZA	%BEZA
KEDIAMAN	27,461	48,261,861.06	4,894,278.35	140,698,460.00	5,175,232.24	280,953.89	5.74%
PERNIAGAAN	4,084	26,764,326.00	2,934,860.39	76,927,690.00	3,392,735.42	457,875.03	15.60%
TANAH KOSONG	2,520	7,257,985.50	409,900.66	12,442,650.003	410,148.20	247.54	0.06%
TANAH KOSONG PERTANIAN	8,508	826,615.00	517.93	114,621,520.00	0.00	(517.93)	(100.00%)
INDUSTRI	242	15,030,164.47	1,527,295.91	40,671,870.00	1,830,234.15	302,938.24	19.83%
HARTA KHAS	79	2,429,540.00	400,874.10	3,124,690.00	437,456.60	36,582.50	9.13%
LAIN-LAIN	210	219,706.70	17,822.95	0.00	0.00	(17,822.95)	(100.00%)
JUMLAH KESELURUHAN PEGANGAN	43,104	100,790,198.73	10,185,550.29	388,486,880.00	11,245,806.61	1,060,256.32	10.41 %

4.2.8 PINDAAN SENARAI NILAIAN

PERKARA	JANUARI-DISEMBER
Harta Baru	184
Harta Pindaan	34
Bangunan Runtuh/ Usang dan Pembatalan Tanah Kosong Pertanian	35

4.2.9 PENILAIAN CAJ PEMAJUAN

TAHUN	JUMLAH SKIM	JUMLAH SKIM YANG DIKENAKAN CAJ	JUMLAH CAJ
2024	23	16	RM 13,357,740.00

4.2.10 LAPORAN UNIT PENGURUSAN AM

PERKARA	JANUARI-DISEMBER	JUMLAH
Pindah Milik	693	RM 12,540.00
Carian	463	RM 10,620.00
Tukar Alamat	294	RM 0.00
Remisi	10	RM 0.00

4.2.11 LAPORAN UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)

BIL.	PERKARA	BILANGAN
1	Mesyuarat Agong kawasan pemajuan Bukit Merah Laketown	4
2	Perbincangan berkaitan Kawasan Pemajuan Bukit Merah Laketown	5

4.2.12 AKTIVITI JABATAN PENILAIAN

LAWAT PERIKSA NILAIAN HARTA BARU DAN PINDAAN



Bagi tahun 2024 sebanyak 184 harta baru yang dinilai dan sebanyak 34 harta pindaan yang dinilai. Gambar menunjukkan kakitangan Jabatan Penilaian sedang menjalankan kerja-kerja lawat periksa bagi proses kiraan cukai taksiran.

LAWAT PERIKSA BANGUNAN USANG, RUNTUH, TERBAKAR ATAU TIDAK LAYAK DIDUDUKI



Lawat periksa bagi pembatalan cukai taksiran bangunan runtuh, terbakar, usang atau tidak layak diduduki bagi tujuan pembatalan cukai taksiran. Sebanyak 35 pegangan yang telah dibatalkan pada tahun 2024 berdasarkan permohonan dan lawat periksa oleh kakitangan Jabatan Penilaian.

SESI TOWNHALL PENGUATKUASAAN SENARAI NILAIAN BAHARU MAJLIS DAERAH KERIAN 2025



Jabatan Penilaian mengadakan sesi Townhall Penguatkuasaan Senarai Nilai Baharu Majlis Daerah Kerian 2025 bersama-sama pemilik pegangan bercukai dalam kawasan Majlis bermula pada 14 Mei 2024 hingga 23 Mei 2025 di lapan tempat iaitu Dewan JKKK Tanjong Piandang, Dewan Kerian Permai, Dewan Komuniti Bagan Serai, Dewan Serbaguna Batu Lima, Dewan Serbaguna Semanggol, Dewan Taman Serai Permai, Dewan Serbaguna Alor Pongsu dan Surau Taman Setia Jaya.

SESI MENDENGAR BANTAHAN PENILAIAN SEMULA PEGANGAN DI DALAM KAWASAN MAJLIS DAERAH KERIAN



Sesi Mendengar Bantahan Penilaian Semula Pegangan Di Dalam Kawasan Majlis Daerah Kerian diadakan di dua tempat iaitu Dewan Kerian Permai, Parit Buntar pada 16 Julai 2024 dan di Dewan Dato' Zainal Abidin Zin , Bagan Serai pada 18 Julai 2024. Seramai 332 pemilik yang telah membuat bantahan secara bertulis kepada pihak Majlis.

4.2.13 : PENGHANTARAN NOTIS PERINGATAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN

MDK telah mengeluarkan Notis E untuk penggal pertama pada 4 Mac 2024 dan semua Notis E ini telah diserahkan secara pos. MDK memberikan penangguhan pengeluaran denda Notis E bagi penggal kedua.


4.3

PERBELANJAAN

4.3.1 : KOMPOSISI PERBELANJAAN

Perbelanjaan dikategorikan dalam perbelanjaan mengurus dan pembangunan

BIL.	PERBELANJAAN	BAJET (RM)	KUTIPAN HASIL (RM)	PERATUS (%)
1.	Mengurus	24,086,920.26	22,955,594.47	95
2.	Pembangunan	1,975,070.00	839,926.57	43
	JUMLAH	26,061,990.26	23,795,521.04	91



4.3.2 : PRESTASI PERBELANJAAN MENGRUS BERDASARKAN BAJET YANG TELAH DILULUSKAN


PERKARA	BAJET (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR 2024 (RM)	PERATUS (%)
Emolumen	9,776,941.90	10,430,729.98	107
Perkhidmatan dan Bekalan	13,116,279.79	11,640,165.15	89
Aset	599,040.00	465,044.09	78
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	339,917.38	219,538.12	65
Perbelanjaan Lain	254,741.40	200,117.13	79
JUMLAH	24,086,920.26	22,955,594.47	95



Keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2024 telah mencapai 95% iaitu RM 22.95 juta dari jumlah bajet.

4.3.3 : PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BERDASARKAN BAJET YANG TELAH DILULUSKAN

HURAIAN	BAJET (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR 2024 (RM)	PERATUS (%)
Pembangunan	1,975,070.00	839,926.57	43



4.4

PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KONTRAK


4.4.1 : PENGURUSAN ASET TAHUN 2024

1) Berikut adalah perolehan aset-aset alih MDK bagi tahun 2023-2024

TAHUN	HARTA MODAL		ASET BERNILAI RENDAH		JUMLAH KUANTITI	JUMLAH PEROLEHAN (RM)
	KUANTITI	PEROLEHAN (RM)	KUANTITI	PEROLEHAN (RM)		
2023	23	968,454.70	51	48,462.00	74	1,016,916.70
2024	19	403,162.40	71	66,491.69	90	49,654.09

2) Berikut adalah perbandingan rekod pelupusan aset-aset MDK bagi tahun 2023-2024

TAHUN SEMASA	JUMLAH KUANTITI	NILAI PEROLEHAN ASAL (RM)	HASIL PELUPUSAN (RM)	KOS PENGENDALIAN (RM)
2023	60	31,543.00	2,947.00	0
2024	104	452,761.88	2,429.00	0



4.4.2 : AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PELUPUSAN ASET

Pemeriksaan Aset

Unit Pengurusan Aset Alih dan Stor dan beberapa pegawai yang telah dilantik sebagai pegawai pemeriksa aset alih serta dibantu oleh beberapa pegawai dari jabatan berkaitan telah menjalankan pemeriksaan aset alih mengikut perancangan berpandukan Pekeliling Perbendaharaan dalam AM 2.1 Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

Aktiviti pemeriksaan dijalankan seperti ketetapan berikut :

BUTIRAN	TARIKH	CATATAN
Kenderaan	17/05/2024	Semua kenderaan
Peralatan pejabat (elektrik, elektronik, perabot)	20/08/2024	Bangunan pejabat majlis
	23/12/2024	Pejabat Cawangan Parit Buntar
	24/12/2024	Pejabat Cawangan Bagan Serai
Mesin dan peralatan berkaitan	17/05/2024	Tapak pelupusan sampah Alor Pongsu
	23/12/2024	Pejabat Cawangan Parit Buntar
	24/12/2024	Pejabat Cawangan Bagan Serai



Pelupusan Aset

Aktiviti pemeriksaan dijalankan seperti ketetapan berikut :

TARIKH	MASA	TEMPAT	KAEDAH PELUPUSAN
08/10/2024 (Selasa)	3.00 petang	Pejabat Utama Majlis Daerah Kerian	Secara serahan
10/10/2024 (Khamis)	9.00 pagi	Pejabat Cawangan Bagan Serai	Secara jualan sisa dan musnah
14/10/2024 (Isnin)	9.00 pagi	Pejabat Cawangan Parit Buntar	Secara jualan sisa dan musnah
10/04/2025 (Khamis)	11.00 pagi	Pejabat Cawangan Bagan Serai	Secara sebut harga



5

BAHAGIAN

TADBIR URUS

- 5.1 Perancangan Strategik

- 5.2 Pembudayaan Kualiti, Inovasi dan Kreatif

- 5.3 Semak dan Imbang

- 5.4 Pengurusan Pelanggan

- 5.5 Sumber Manusia

- 5.6 Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

- 5.7 Pemantapan Integriti

- 5.8 Pengurusan ICT

5.1

PERANCANGAN STRATEGIK

5.1.1 FOKUS UTAMA

1

Memperkukuhkan dan Memantapkan Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Bagi Meningkatkan Sumber Hasil.

Menstabilkan Tadbir Urus Melalui Teknologi Semasa

2

3

Mempertingkatkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Memantapkan Pengurusan Perkhidmatan Perbandaran Untuk Kesejahteraan Rakyat

4

5

Pembangunan Fizikal Bandar dan Pemeliharaan Alam Semula Jadi

Memantapkan Pembangunan Sosial Bagi Kesejahteraan Rakyat

6

PEMBUDAYAAN KUALITI INOVASI DAN KREATIF

5.2

5.2.1 PROGRAM KIK DAN INOVASI

Pada tahun 2024, Majlis Daerah Kerian telah terlibat dalam program-program berikut sebagai usaha menyemarakkan pembudayaan inovasi dalam kalangan kakitangan Majlis Daerah Kerian.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	LOKASI
1	Bengkel Pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Perak tahun 2024	5-6 Mac 2024	Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan
2	Pencalonan Fasilitator Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Horizon Baharu Negeri Perak tahun 2024	28-31 Mei 2024	Avi Hotel, Pulau Pangkor, Perak
3	Seminar Perkongsian Projek Inovasi Sempena Majlis Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Perak tahun 2024	25 September 2024	Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan
4	Majlis Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Negeri Perak tahun 2024	1 Oktober 2024	Dewan Convention Centre Hotel Casuarina@Meru



5.2.2 PENCAPAIAN MDK DALAM KIK DAN INOVASI

BIL	PERTANDINGAN	PERINGKAT	TARIKH	PENCAPAIAN	KETERLIBATAN
1	Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) (kategori jabatan negeri)	Negeri Perak	3-4 September 2024	Pembentangan projek Easy Smart Cage	Kumpulan Meteor 2.0
2	Pertandingan Inovasi MALA 3.0 Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) Piala YB Menteri KPKT bagi tahun 2024-2025	Kebangsaan	22 November 2024 (sesi saringan) 24 April 2025 (peringkat akhir)	Pembentangan projek Easy Smart Cage	Kumpulan Meteor 2.0



SEMAK DAN IMBANG

5.3

5.3.1 PENGURUSAN KEWANGAN

Pengauditan Pengurusan Kewangan merupakan pengauditan pematuhan yang dijalankan untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan jabatan dan unit dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

PROGRAM AUDIT	TAJUK AUDIT	JUMLAH TEGURAN	STATUS PENYELESAIAN	
			SELESAI	BELUM SELESAI
Pengurusan Kewangan	Pengurusan Pinjaman Kenderaan / Komputer / Telefon Pintar Kepada Kakitangan	4	4	-
	Pengurusan Bayaran	5	5	-
	Pengurusan Terimaan Hasil Tandas	5	5	-
	Pengurusan Kompaun (Tempat Letak Kereta)	4	4	-
	Pemeriksaan Mengejut	Pusingan Pertama	-	-
		Pusingan Kedua	-	-
		Pusingan Ketiga	-	-

Secara keseluruhannya, 4 audit pengurusan kewangan telah dilaksanakan pada tahun 2024. Manakala Pemeriksaan Mengejut (AP 309) telah dilaksanakan sebanyak 3 pusingan bagi tahun 2024 selaras dengan keperluan Arahan Perbendaharaan 309.

5.3.2 AUDIT PRESTASI

Pengauditan Prestasi merangkumi penilaian terhadap aktiviti/ program sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

PROGRAM AUDIT	TAJUK AUDIT	JUMLAH TEGURAN	STATUS PENYELESAIAN	
			SELESAI	BELUM SELESAI
Prestasi	Sewaan Dewan Majlis Daerah Kerian	5	5	-

Sepanjang tahun 2024, Unit Audit Dalam telah melaksanakan satu program audit prestasi iaitu Audit Pengurusan Sewaan Dewan Majlis Daerah Kerian dan 5 teguran telah dikeluarkan. Semua teguran telah diambil tindakan oleh jabatan berkaitan.

5.3.3 KUALITI

Pengauditan Program Kualiti merangkumi penilaian terhadap aktiviti/ program kualiti sesebuah organisasi bagi memastikan program kualiti mencapai piawaian yang ditetapkan oleh badan pensijilan iaitu SIRIM Qas International.

PROGRAM AUDIT	TAJUK AUDIT	JUMLAH TEGURAN		STATUS PENYELESAIAN	
		OFI	NCR	SELESAI	BELUM SELESAI
Kualiti	Audit Kualiti Dalam Sistem Pengurusan Bersepadu MS ISO 9001:2015	-	-	-	-
	Audit Kualiti Dalam Sistem Pengurusan Bersepadu MS ISO 37001:2016	2	-	2 OFI	-

AUDIT MS ISO 37001:2016 ABMS STAGE 1 OLEH PIHAK SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. PADA 12 DAN 13 SEPTEMBER 2024



AUDIT MS ISO 37001:2016 ABMS STAGE 2 OLEH PIHAK SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. PADA 6 HINGGA 8 NOVEMBER 2024



MEMPEROLEHI PENSIJILAN MS ISO 37001:2016 ABMS OLEH PIHAK SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. PADA 12 DISEMBER 2024



AUDIT SURVEILLANCE MS ISO 37001:2016 ABMS STAGE 1 OLEH PIHAK SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. PADA 24 DAN 25 SEPTEMBER 2024



5.3.4 MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DALAM

Mesyuarat Jawatankuasa Audit telah dilaksanakan sebanyak empat kali pada tahun 2024. Mesyuarat ini bertanggungjawab dalam menyemak serta melaporkan hasil audit dalaman yang telah dijalankan sepanjang tahun. Selain itu, mesyuarat turut mengkaji laporan daripada Unit Audit Dalam untuk memastikan semua isu yang dilaporkan diselesaikan dengan memuaskan dan memperakukan tindakan susulan serta langkah penambahbaikan yang telah dilakukan.

Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam

BILANGAN MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT
Bil. 4/2023	29.01.2024
Bil. 1/2024	03.05.2024
Bil. 2/2024	25.07.2024
Bil. 3/2024	18.10.2024

PENGURUSAN PELANGGAN

5.4

5.4.1 SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SISPAA)


Majlis Daerah Kerian (MDK) menggunakan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), iaitu sebuah platform dalam talian yang dibangunkan oleh kerajaan Malaysia bagi memudahkan orang awam menyalurkan aduan, cadangan, penghargaan, dan pertanyaan berkaitan perkhidmatan agensi kerajaan. Melalui sistem ini, rakyat boleh mengemukakan aduan serta memantau status maklum balas secara dalam talian, tanpa perlu hadir secara fizikal ke pejabat MDK. Pelaksanaan SISPAA bertujuan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam serta membolehkan pihak berkuasa menambah baik mutu perkhidmatan berdasarkan maklum balas yang diterima daripada orang ramai.

PENERIMAN ADUAN AWAM DI MDK TAHUN 2024

Berdasarkan graf bar di sebelah kanan, jumlah aduan awam yang diterima oleh Majlis Daerah Kerian (MDK) bagi tempoh Januari hingga Disember 2024 adalah sebanyak 825 aduan.


Semua aduan yang diterima telah diambil tindakan dan diselesaikan sepenuhnya, menjadikan kadar penyelesaian aduan bagi tahun 2024 mencapai 100 peratus.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan pihak MDK dalam memastikan setiap aduan awam ditangani dengan cepat dan berkesan.



5.4.2 SUMBER ADUAN AWAM TAHUN 2024

Selaras dengan komitmen Majlis Daerah Kerian (MDK) dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan serta memenuhi keperluan masyarakat setempat, pelbagai mekanisme penyampaian aduan telah disediakan bagi memudahkan orang awam menyalurkan maklum balas. Sepanjang tahun 2024, Majlis Daerah Kerian (MDK) telah menerima pelbagai aduan awam melalui beberapa saluran utama, termasuk Laman Web, Telefon, Borang Kaunter Aduan Jabatan, aplikasi i-Tegur, kehadiran secara fizikal ke pejabat, E-mel, Biro Pengaduan Awam, Surat serta aduan yang diterima secara 'forward' daripada pihak berkaitan.



5.4.3 TAHAP KEPUASAN PELANGGAN DENGAN PERKHIDMATAN MDK

Majlis Daerah Kerian (MDK) menggunakan kaedah "*button smiley*" (ikon emoji) untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan MDK.

TAHAP KEPUASAN PELANGGAN TERHADAP PERKHIDMATAN MDK



Cemerlang




Baik (Amat Baik)



Sederhana (Memuaskan)



Lemah (Tidak Memuaskan)



5.5

SUMBER MANUSIA

5.5.1 RINGKASAN PERJAWATAN MAJLIS DAERAH KERIAN TAHUN 2024



JUMLAH ANGGOTA KERJA MENGIKUT BANGSA



JUMLAH ANGGOTA KERJA MENGIKUT JANTINA



5.5.2 PENGENDALIAN UJIAN DAN TEMUDUGA JAWATAN KOSONG

BIL.	JAWATAN	TARIKH UJIAN	TARIKH TEMUDUGA
1.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 (Kontrak)	Ujian Bertulis i. Sesi 1 - 12 Januari 2024	Sesi 1 - 6 Februari 2024 Sesi 2 - 7 Februari 2024
2.	Pemandu Kenderaan Gred H11 (Kontrak)	Ujian Pemanduan i. Sesi 1 - 26 Mac 2024 ii. Sesi 2 - 27 Mac 2024	27 Mei 2024
3.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 (Tetap)	Tiada Ujian	4 Julai 2024
4.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 (Kontrak)	Tiada Ujian	6 September 2024
5.	Pemandu Kenderaan Gred H11 (Tetap)	Tiada Ujian	4 Oktober 2024
6.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (Hakiki)	Tiada Ujian	4 Oktober 2024

5.5.3 PELANTIKAN ANGGOTA KERJA (KONTRAK)

BIL.	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	JUMLAH
1.	Pembantu Awam Gred H11	2 Januari 2024	3
2.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	11 Januari 2024	1
		17 September 2024	2
3.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	1 Mac 2024	8
		1 Disember 2024	1
4.	Pemandu Kenderaan Gred H11	16 Julai 2024	3
5.	Pembantu Awam Gred H11	16 Julai 2024	2
6.	Pembantu Operasi Gred N11	16 Julai 2024	1

5.5.4 PELANTIKAN ANGGOTA KERJA (TETAP)

BIL.	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN	JUMLAH
1.	Pembantu Tadbir (P/O) N26 (Hakiki)	9 Januari 2024	1
2.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19	1 Oktober 2024	3
